

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 71

RUANGAN : SETEMPAT

Besarkan kawasan Klinik 1Malaysia

Kuala Lumpur: “Secara keseluruhan saya berpuas hati dengan perkhidmatan rawatan perubatan yang disediakan di Klinik 1Malaysia namun turut berharap kerajaan supaya mempertimbangkan cadangan membesarkan lagi kawasan klinik bagi memberi lebih keselesaan kepada orang ramai.

“Ini kerana kebanyakan Klinik 1Malaysia diwujudkan di kawasan yang luasannya agak terhad dan pada masa sama, kerusi untuk pesakit menunggu juga tidak mencukupi,” kata M Suresh, 31.

Menurut Suresh, Klinik 1Malaysia di Kerinchi, Pantai Dalam, contohnya berada di kawasan yang strategik namun keluasannya sangat terhad.

Katanya, disebabkan masalah ruang itu, ada yang terpaksa menunggu di luar klinik kerana kerusi yang disediakan tidak banyak

berbanding jumlah pengunjung.

“Diharapkan, pada masa depan kerajaan dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan Klinik 1Malaysia yang lebih besar dan selesa bagi kemudahan orang ramai ketika mendapatkan rawatan,” katanya ketika ditemui, semalam.

Pendapat itu turut dipersetujui kakitangan swasta, Mubarak Ahmad, 45, yang mahu Klinik 1Malaysia itu disediakan di lokasi yang lebih sesuai dan selesa.

Katanya, dengan pertambahan jumlah penduduk hari ini, klinik yang kecil sudah tidak mampu menampung keperluan berkecukupan.

“Jika boleh, biarlah Klinik 1Malaysia mampu menampung lebih 20 pesakit pada satu masa dan mempunyai lebih ramai doktor bagi mengelakkan masa menunggu rawatan tidak terlalu lama,” katanya.



SURESH bersama anaknya menunggu giliran di Klinik 1Malaysia di Kerinchi.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEGARA

Kekalkan kaedah bantu mangsa banjir

BENCANA banjir yang melanda beberapa buah negeri di seluruh negara sejak 1 Januari lalu kini beransur pulih.

Dalam tempoh sembilan hari sehingga tarikh ini, Pahang merekodkan bilangan mangsa paling ramai iaitu 9,982 orang melibatkan 2,160 keluarga di lapang buah daerah yang ditempatkan di 58 pusat pemindahan.

Di Terengganu, bilangan mangsa di negeri itu adalah seramai kira-kira 2,500 orang daripada 541 keluarga dalam tempoh sembilan hari sejak awal Januari lalu.

Sabah pula mencatat bilangan seramai 629 orang melibatkan 219 keluarga di Membakut diikuti Sarawak melibatkan 118 mangsa daripada 39 keluarga yang juga direkodkan dalam tempoh sama.

Diselatan tanah air, Johor mencatatkan sejumlah 426 mangsa banjir melibatkan 113 keluarga di tiga daerah iaitu Mersing, Kota Tinggi dan Segamat.

Turut tersenarai dalam catatan peristiwa bencana awal tahun ini ialah Kelantan dengan bilangan hampir 100 mangsa di Gua Musang dan Jeli.

Sepanjang menghadapi bencana itu, pelbagai agensi awam digerakkan secara seiringan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memastikan kira-kira 13,700 mangsa di semua negeri terlibat mendapat bantuan sewajarnya.

Pujian harus diberikan kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia serta Jabatan Sukarelawan Malaysia.

Penghargaan yang sama juga patut diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Meteorologi, Jabatan Kesihatan serta Jabatan Pengairan dan Saliran.

Begitu juga dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan syarikat-syarikat korporat yang turut sama berganding bahu.

Ketika mengadakan lawatan ke pusat-pusat pemindahan mangsa banjir di Pekan dan Kuantan pada Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merumuskan, pengurusan operasi banjir yang dijalankan di seluruh negara ketika ini berjaya dilaksanakan pada tahap terbaik.

Menurut beliau, kaedah pe-



Bersama SHAHRULANNOOR ISHAK

“Petugas agensi-agensi awam serta pihak swasta mahupun NGO rela berkorban masa dan tenaga untuk memberi tumpuan penuh terhadap usaha murni membantu rakyat yang terjejas kerana banjir

ngurusan operasi banjir yang dijalankan pelbagai agensi ketika menghadapi situasi bencana pada sepanjang minggu lalu wajar diteruskan.

“Saya berpuas hati kerana semuanya (operasi membantu mangsa banjir) berjalan dengan lancar dan amat baik sekali,” kata beliau.

“Mudah-mudahan, cara (kaedah) pengurusan operasi banjir ketika ini dapat diteruskan. Mana yang terkurang, kita tambah baik. Mana yang sedia baik, kita kekalkan dan teruskan pada masa akan datang,” kata beliau.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Pengerusi MKN, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, agensi seperti APM, Rela, PDRM dan JKM memainkan peranan berkesan dalam memastikan mangsa banjir lebih cepat menerima bantuan.

“Sebelum ini, tugas penela-

rasan pembahagian bantuan diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan JKM, tapi kadangkala menghadapi masalah kekurangan petugas.

“Sehubungan itu, dalam menghadapi bencana kali ini, pusat pemindahan banjir dijadikan ‘anak angkat’ kepada jabatan dan agensi kerajaan bagi membantu menyelaras gerakan menghulurkan bantuan,” kata Shahidan di Maran, Pahang baru-baru ini.

Tambah Shahidan lagi, melalui kaedah tersebut, setiap agensi ditugaskan memantau situasi banjir di kawasan tertentu seperti yang ditetapkan dan pada masa sama menghulurkan bantuan kepada mangsa di pusat pemindahan secara lebih terancang.

Sebagai pemberita yang bertugas di lokasi bencana, saya bersama rakan-rakan setugas menyaksikan sendiri kesungguhan pelbagai pihak menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Dalam tempoh seminggu lalu, petugas agensi-agensi awam serta pihak swasta mahupun NGO rela berkorban masa dan tenaga untuk memberi tumpuan penuh terhadap usaha murni itu.

Ada dalam kalangan mereka yang terpaksa meninggalkan keluarga, mengetepikan urusan mendaftar anak ke sekolah dan sebilangan lagi sanggup ditugaskan di kawasan terjejas banjir yang jauh dari rumah masing-masing.

Justeru, sama-samalah kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana jasa dan pengorbanan mereka membantu mangsa banjir.



GELAGAT dua ekor monyet spesies macaque melihat gambar yang dirakam seorang lelaki melalui kameranya ketika salji turun di Pusat Pemuliharaan Semula Jadi Wulongkou di wilayah Henan, China kelmarin.